

NO. SOALAN : 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH
[SABAK BERNAM]

SOALAN :

YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan unit rumah mampu milik yang telah dibina Kerajaan sejak 2009 hingga kini dan nyatakan langkah-langkah serta inisiatif yang telah diambil kerajaan bagi memastikan setiap rakyat sama ada dari golongan berpendapatan rendah, sederhana dan tidak berkemampuan untuk menyediakan bayaran pendahuluan mampu memiliki rumah sendiri serta nyatakan sasaran Kerajaan bagi program pemilikan rumah mampu milik ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) mulai 2013 hingga akhir tahun 2018 bagi golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah. Selain itu kerajaan juga telah menetapkan harga siling bagi RMM di seluruh negara adalah pada harga RM300,000 seunit berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Perumahan Negara Bilangan 1/2016 pada 6 April 2016 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Terdapat beberapa agensi yang melaksanakan pembangunan RMM termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan lain-lain agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri serta pihak pemaju swasta.

Status Pelaksanaan 1 Juta RMM adalah seperti berikut :-

STATUS PELAKSANAAN 1 JUTA RMM (2013- DISEMBER 2017)

SIAP DAN DALAM PEMBINAAN	DALAM PERANCANGAN
450,619 unit	448,028 unit

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan menerusi Kementerian telah membantu golongan berpendapatan sederhana yang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah dengan menyediakan wang pendahuluan/deposit. Antara bantuan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

a) Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit)

Skim ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 6 April 2016. Skim ini menyasarkan golongan berpendapatan di antara RM3,000 sehingga RM15,000 sebulan yang ingin membeli rumah pertama.

Peruntukan sebanyak RM200 juta disediakan sebagai sumbangan kepada pembeli rumah bagi tujuan bayaran deposit.

Kemudahan ini disediakan khusus untuk pembelian rumah berharga di bawah RM500,000 seunit dari mana-mana projek perumahan swasta yang berlesen dengan Kementerian. Melalui skim ini, pemohon yang layak akan diberi pembiayaan deposit sebanyak 10% daripada harga jualan rumah atau maksima RM30,000 (mana yang terendah).

Sehingga 31 Disember 2017, seramai 1,474 pemohon telah mendapat manfaat daripada insentif ini dengan jumlah sumbangan kerajaan sebanyak RM39.55 juta

b) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*)

Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) telah mula dilaksanakan pada tahun 2014. Skim ini bertujuan membantu golongan berpendapatan sederhana (M40) untuk memiliki rumah melalui insentif pembelian rumah pertama.

Pada masa yang sama, ianya merupakan langkah Kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik.

Skim ini menawarkan insentif sebanyak **RM30,000** seunit rumah yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah pertama yang berpendapatan isi rumah di antara RM3,000 hingga RM6,000 bagi pembelian rumah yang berharga RM80,000 hingga RM300,000 seunit.

Sehingga 31 Disember 2017, seramai 2,598 pemohon telah berjaya membeli rumah di bawah Skim MyHome yang melibatkan bantuan insentif oleh kerajaan berjumlah RM77.94 juta

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018